



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	19 JANUARY 2017

# Tun M semakin terdesak: Nur Jazlan

Sinar Harian - 19/1/2017.

KUALA LUMPUR - Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed hairan dengan sikap Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamed yang kini dilihat mempercayai bulat-bulat laporan media barat.

Menurutnya, ketika zaman pemerintahan Mahathir sebagai Perdana Menteri, beliau selalu mendakwa laporan media barat sebagai berniat jahat dan mempunyai agenda tersembunyi untuk merosakkan negara, namun kini bekas pemimpin nomborsatu negara itu melakukan *u-turn*.

"Saya tertanya-tanya sejak bila pula Tun Mahathir anggap laporan media barat sebagai telus tanpa sebarang agenda sehinggakan beliau percaya serta yakin kepada laporan Bloomberg mengenai pembangunan Forest City.

"Kalau masa beliau jadi PM apa sahaja laporan buruk mengenai negara ini beliau kata itu semua adalah laporan yang berniat jahat, tapi kini segalanya dah berubah," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*, semalam.

Jelas Nur Jazlan yang juga merupakan Ahli Parlimen Pulau, Mahathir dilihat semakin terdesak sehinggakan sanggup menghalalkan apa sahaja cara demi mencapai matlamat dalam politiknya dan isu laporan



**Kalau masa beliau jadi PM apa sahaja laporan buruk mengenai negara ini beliau kata itu semua adalah laporan yang berniat jahat, tapi kini segalanya dah berubah."** - Nur Jazlan

Bloomberg itu salah satu contohnya.

Beliau berkata, jika Mahathir berniat untuk mempersoalkan tentang pembangunan pesat di Johor sekarang ini, beliau perlu merenung semula ke belakang apakah *track record* beliau ketika

menjadi Perdana Menteri dahulu.

"Bagi saya, 15 tahun lalu Johor terutamanya Johor Bahru ketinggalan dari segi pembangunan jika nak dibandingkan dengan Kuala Lumpur atau Pulau Pinang biarpun sudah bertaraf sebuah bandaraya. Ketika itu era Tun M jadi PM.

"Apatah lagi ketika zaman Presiden Bersatu (Tan Sri Muhyiddin Yassin) menjadi Menteri Besar yang dilihat turut gagal... Jadi rakyat Johor terpaksa membangunkan sendiri negeri ini dengan cara mereka," katanya.

Oleh yang demikian, ujar Nur Jazlan lagi, Mahathir diminta tidak cemburu dengan pembangunan pesat Johor di bawah naungan Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan pentadbiran Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

"Kalau dah gagal buat kerja masa ada kuasa, jangan pula nak cemburu dengan kejayaan orang lain dan cuba memburukkan orang Johor.

"Tun M sepatutnya bersyukur dan puji kejayaan pentadbiran kerajaan negeri sekarang ini yang berjaya membawa Johor ke satu tahap yang cukup baik... itupun jika beliau benar-benar ikhlas memperjuangkan nasib rakyat," katanya.